# MDKL tegas heret syarikat, individu ke mahkamah

BERITA HARIAN | Khamis, 22 Ogos 2019 | 3:55pm



BANTING: Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) tegas menguatkuasa undang-undang dan peraturan di bawah kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) apabila mengheret beberapa syarikat dan individu ke Mahkamah Majistret Teluk Datok pada 15 Ogos lalu kerana melakukan pelbagai kesalahan, termasuk membabitkan alam sekitar.

Dalam kes pertama dan kedua, pesalah iaitu Ahmad Amirul Azlan dijatuhi hukuman denda oleh Mahkamah Majistret sebanyak RM1,500 atau lima hari penjara, manakala Woo Hin Choi yang mewakili Syarikat Pengangkutan WHC Sdn Bhd juga dikenakan hukuman sama.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Zain A Hamid berkata, kedua-dua individu ini didapati bersalah mengikut Undang-Undang Kecil 4, Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah-Sarap (MDKL) 2007 kerana melakukan kesalahan dengan membuang sampah di tempat yang tidak dibenarkan atau di tempat awam oleh pihak MDKL.

"Kedua-dua mereka sudah menjelaskan bayaran denda yang dikenakan," katanya menerusi kenyataan media, hari ini.

Mohamad Zain berkata, pengarah syarikat Chang Ang (M) Sdn Bhd, Lee Kok Tiong yang diwakili peguam turut didenda serta diberikan amaran keras oleh mahkamah kerana turut melakukan kesalahan mengikut Undang-Undang Kecil 4, Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah-Sarap (MDKL) 2007.

Beliau berkata, dalam kes berasingan, Muhammad Haizul Izzat Ahmad Azmi didapati bersalah oleh mahkamah dan dijatuhi hukuman denda sebanyak RM1,000 atas kesalahan mengikut Undang-Undang Kecil 7, Undang-Undang Kecil Iklan (MDKL) 2007 kerana mempamerkan iklan tanpa lesen.

Sementara itu, katanya, tindakan penunggang motosikal, Ang Keng Yao meletakkan motosikalnya di laluan pejalan kaki hingga menyebabkan halangan awam turut